

21 JUN 2000

Mahkamah-Anwar/I

PEMBELAAN MENUTUP KES DALAM PERBICARAAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pihak pembela dalam perbicaraan liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, menutup kes mereka hari ini, di Mahkamah Tinggi, di sini.

Salah seorang daripada peguam Anwar, Sankaran Nair memberitahu pemberita yang pihak pembela dengan rasmi telah menutup kesnya dan tiada lagi saksi untuk dipanggil.

Sementara itu, pembela dan pendakwa dalam perbicaraan itu diarah mengemukakan penghujahan bertulis kepada Mahkamah Tinggi sebelum 6 Julai.

Arahan itu yang dikeluarkan dalam kamar oleh hakim perbicaraan Datuk Arifin Jaka hari ini dimaklumkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh.

Bagaimanapun, tarikh penghakiman bagi perbicaraan itu masih belum ditetapkan.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, dituduh secara berasingan atas tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, bekas pemandu keluarga Anwar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam antara Jan dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan juga menghadapi satu lagi tuduhan bersuhabat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, 39, pada waktu dan di tempat yang sama.

Pada awalnya, Hakim Arifin telah menetapkan hari ini untuk mendengar hujahan kedua-dua pihak selepas perbicaraan selama 108-hari, walaupun peguam utama Anwar, Christopher Fernando berkata pihaknya belum bersedia untuk menutup kes kerana rayuannya berhubung keterangan Perdana Menteri masih menunggu keputusan di Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Rayuan tetap berpegang kepada keputusan Arifin untuk tidak memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi keterangan dalam perbicaraan itu.

Pembelaan telah berhujah yang keterangan Dr Mahathir adalah penting dalam menolak dakwaan liwat oleh Azizan.

Pendakwaan telah menutup kes terhadap Anwar dan Sukma pada hari ke 46 perbicaraan pada 20 Ogos tahun lepas dengan memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar, sementara pembelaan telah memanggil 31 saksi untuk memberi keterangan.

-- BERNAMA

SBB PR